

08 JUN 1999

Mahathir-Proton

MAHATHIR UCAP TAHNIAH ATAS KEJAYAAN PROTON DI BRITAIN

KUALA LUMPUR, 8 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dalam pasaran Britain.

Proton telah dipilih sebagai satu daripada jenama kenderaan yang mempunyai tahap mutu terbaik daripada segi ketahanan enjin dan struktur badan dalam pasaran United Kingdom baru-baru ini.

"Kejayaan ini adalah hasil kecekapan pekerja Proton, termasuk pihak pengurusan yang telah berusaha secara satu pasukan yang efektif. Tanpa kecekapan dan usaha secara satu pasukan tidak mungkin kejayaan ini boleh dicapai," kata beliau dalam perutusan khas untuk semua pegawai dan pekerja Proton yang dikeluarkan semalam.

Dalam surat itu Dr Mahathir berkata bahawa beliau percaya pekerja Proton akan terus menyumbangkan tenaga ke arah pencapaian yang lebih tinggi lagi, dan dengan komitmen dan usaha yang lebih gigih beliau yakin hasrat itu boleh dicapai.

Laporan akhbar Sabtu lepas berkata kereta keluaran nasional pertama itu telah mengekalkan kedudukannya sebagai satu daripada kereta paling dipecayai di Britain.

Ini adalah kejayaan tahun kedua berturut-turut bagi Proton yang telah menerima pengiktirafan tinggi oleh pemandu-pemandu kereta Britain dalam satu kaji selidik yang dibuat oleh Persatuan Pengguna United Kingdom.

Kaji selidik itu melaporkan bahawa 80 peratus daripada pemilik Proton akan mengesyorkan kereta nasional itu kepada rakan-rakan mereka kerana ciri-cirinya yang boleh dipercayai.

Sambutan daripada 27,000 anggota persatuan itu menunjukkan bahawa Proton menduduki tempat ketiga di kalangan yang terbaik daripada segi kerosakan lebih kecil, kecacatan dan masalah mekanikal lain.

Honda dan Mazda adalah teratas di dalam senarai itu manakala Toyota dan Ford masing-masing di tempat keempat dan kelima.

-- BERNAMA

MK OS NMO